

05/09/2004

Episod Anwar berkesinambungan

BERTAHUN-TAHUN lamanya Tun Dr Mahathir Mohamad dihambat persoalan mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Daripada pemecatan bekas timbalannya itu pada 2 September 1998, penahanannya tiga minggu kemudian, disusuli hukuman penjara pada 14 April 1999, soalan mengenai pembebasan Anwar terus menghujannya daripada wartawan media asing.

Setiap kali berbangkitnya isu mengenai rayuan Anwar mahupun keadaan kesihatannya, atau dalam hampir setiap kunjungannya ke luar negara, soalan berkaitannya sudah boleh dijangka akan ditanya.

Hingga pada hari-hari terakhirnya bergelar Perdana Menteri pada Oktober tahun lalu, Dr Mahathir turut diburu pertanyaan andainya pemecatan Anwar tertulis sebagai sesalan terbesarnya sepanjang 22 tahun memimpin Malaysia.

Atau kemungkinan beliau akan mengarahkan pembebasan Anwar sebagai 'buah tangan' perpisahan sesudah bekas timbalannya itu - yang gemar ditakrif media asing sebagai 'perdana menteri dalam penantian' - lima tahun dipenjarakan.

Dari mula hingga penghujungnya, jawapan Dr Mahathir kepada persoalan berkenaan tidak pernah berubah - bahawa ia bukan kuasa beliau sama ada untuk memenjarakan Anwar atau mengusahakan pembebasannya melainkan tertakluk kepada keputusan mahkamah.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula, ketika belum pun bergelar Perdana Menteri, dalam lawatan bersejarahnya ke China, turut ditanya soalan serupa dalam sidang akhbar di New World Hotel, Beijing pada 16 September 2003.

Apakah sesudah mengambil alih sebagai Perdana Menteri kelima, pembebasan Anwar tersenarai antara agenda awal beliau?

Jawapan Pak Lah ketika itu ialah banyak lagi keutamaan lain yang perlu didahulukannya manakala soal Anwar adalah di bawah kuasa mahkamah yang beliau tiada hak untuk mencampurinya.

Pada 22 Julai lalu, dalam lawatan rasmi pertamanya ke Britain selepas mengambil alih kepemimpinan negara - kebetulan tarikh rayuan Anwar untuk didengar di Mahkamah Persekutuan pada 10 Ogos semakin hampir pada ketika sakit belakangnya dilaporkan semakin serius - Pak Lah turut ditanya dalam sidang akhbar di Hotel Dorchester, London.

"Saya tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam soal ini," bentak Pak Lah kepada soalan terakhir itu sambil berlalu meninggalkan sidang akhbar berkenaan.

Barangkali ramai yang terdorong untuk percaya Perdana Menteri tidak akan perlu lagi mendepani soalan sedemikian, apatah lagi media asing rata-rata merumuskan pembebasan Anwar, Khamis lalu, sebagai kesudahan kepada satu episod yang panjang.

Seolah-olah pembebasan Anwar adalah sebahagian perjuangan mereka juga yang tidak akan memesongkan kepercayaan Sang Lamri bahawa mereka tidak akan berhenti setakat ini.

Begitu juga suara-suara asing, yang daripada reaksi mereka terhadap pembebasan Anwar, pastinya tidak akan berdiam diri selepas ini, sebaliknya akan mengukur keadilan mengikut acuan bekas Timbalan Perdana Menteri itu semata-mata.

Anwar sendiri boleh diyakini akan terus mengeksploitasi mereka.

(END)